



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

---

---

**KERATAN AKHBAR  
DAN  
BERITA ONLINE  
UNTUK MAKLUMAN :**

**Y.B. MENTERI  
Y.B. TIMBALAN MENTERI  
Y.BHG. KSU  
Y.BHG. TKSU (PDN)  
Y.BHG. TKSU (PPP)  
SETIAUSAHA AKHBAR**

---

**9 OGOS 2023 (RABU)**



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

---

# **KERATAN AKHBAR (KPDN)**

---

**9 OGOS 2023 (RABU)**



TANGKI besar yang dipercayai digunakan untuk mencampurkan minyak masak subsidi dan minyak masak terpakai.

PEGAWAI KPDN melakukan serbuan di sebuah premis yang menjalankan kegiatan penyelewengan minyak masak subsidi pekot 1 kilogram.

# Nampak 'jernih' tapi terpakai

KPDN serbu dua premis disyaki kitar semula minyak masak sebelum dijual kepada pengguna

Oleh Mohd Jamilul Anbia Md Denin  
 anbia@hmetro.com.my

**Putrajaya**

Wujud kebimbangan, adakah minyak masak yang dibeli di pasaran dan digunakan untuk memasak di rumah benar-benar disahkan halal?

Persoalan itu ditimbulkan Timbalan Ketua Pengarah Penguatkuasa (Operasi) KPDN Shamsul Nizam Khalil susulan penemuan dan rampasan minyak masak meragukan yang dicampur minyak masak terpakai.

Menurutnya, ia susulan pembongkaran dilakukan Kementerian Perdagangan

Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) terhadap beberapa sindiket memasarkan minyak masak 'kitar semula' yang dihasilkan melalui proses campuran minyak masak subsidi dan minyak masak buangan.

"Difahamkan minyak masak 'kitar semula' ini dihasilkan sindiket melalui proses penapisan, didih dan penyulingan bagi memastikan warnanya menjadi jernih semula sebelum dibotolkan.

"Aktiviti itu berjaya dibongkar Khamis lalu, selepas sepasukan anggota dan pegawai Seksyen Perisikan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Putrajaya melakukan serbuan di dua premis di Rawang, Selangor

Khamis lalu," katanya.

Menurutnya, modus operandi sindiket itu adalah memperolehi bekalan minyak masak pekot 1 kilogram (kg) bersubsidi melalui sumber yang tidak sah disyaki pembekal berlesen.

"Sindiket kemudiannya memotong minyak masak pekot itu di sebuah premis haram yang dijadikan transit.

Seterusnya, minyak subsidi berkenaan dihantar ke sebuah gudang pemrosesan yang berselindung di sebalik aktiviti minyak masak terpakai.

"Minyak masak subsidi itu kemudian akan dicampur-

kan bersama minyak masak terpakai yang siap ditapis dan dididihkan. Ia kemudian akan melalui proses penyulingan bagi menghasilkan minyak masak disyaki untuk dipasarkan kepada pihak industri dan juga eksport," katanya.

Beliau berkata, pihaknya masih menjalankan siasatan bagi mengenalpasti sumber bekalan minyak masak subsidi itu diperoleh sindiket itu.

"Semasa serbuan dijalankan, seramai 15 warga asing dan tempatan ditahan. Premis berkenaan disyaki beroperasi sejak sembilan bu-

lan lalu.

"Pihak kami menyita hampir 12,000kg minyak masak bersubsidi, selain merampas peralatan digunakan bagi aktiviti memotong minyak masak pekot serta peralatan memproses minyak masak terpakai. Nilai keseluruhan barang rampasan mencecah hampir RM60,000," katanya.

Beliau melahirkan kebimbangan terhadap status halal minyak masak yang diproses semula itu apatah lagi jika ia dijual semula kepada pengguna atau dibeli oleh pengilang syarikat makanan.

"Ini kerana minyak masak berkenaan diproses dengan kaedah yang tidak mendapat kelulusan pihak berwajib serta penggunaan minyak

masak terpakai ini juga dikhuatiri menjejaskan kualiti makanan itu dan diragui status halal minyak masak yang dihasilkan.

"Siasatan masih diteruskan bagi mengesan aliran minyak masak diproses semula ini dipasarkan termasuk kemungkinan ia dieksport ke luar negara," katanya.

Berdasarkan maklumat aktiviti membeli minyak masak terpakai dari restoran atau pemilik kediaman kian meningkat berikutan ia mencecah harga RM2.70 sekilogram.

Berikutan itu ramai pihak menjalankan perniagaan membeli minyak masak terpakai yang turut didakwa boleh dijadikan bahan api biodiesel untuk diesport.

“Minyak masak subsidi itu kemudian akan dicampurkan”  
 Shamsul Nizam



## 730 kes seleweng minyak masak subsidi bernilai RM16.7 juta

**Kuala Lumpur:** Sebanyak 730 kes membabitkan penyelewengan minyak masak subsidi bernilai lebih RM16.7 juta direkodkan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) sejak 2019 hingga 30 Jun lalu.

Statistik itu membabitkan pelbagai kesalahan seperti berniaga barang kawalan tanpa lesen, gagal menyelenggara buku stok dan mengemukakan dokumen palsu.

Timbalan Ketua Pengarah Penguatkuasa (Operasi) KPDN Putrajaya, Shamsul Nizam Khalil berkata, kegiatan haram itu bukan sahaja menyebabkan pihak kerajaan kehilangan subsidi jutaan ringgit saban tahun malahan memberi kesan negatif kepada kesihatan pengguna.

Menurutnya, pemantauan dan pemeriksaan dijalankan oleh pegawai penguatkuasa KPDNHEP diteruskan dari masa ke semasa bagi memastikan ketirisan barang

kawalan dapat dikurangkan.

"Kerjasama bersama agensi penguatkuasaan lain turut dijalankan seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) serta Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

"KPDN ingin memberi amaran keras terhadap mana-mana individu atau syarikat berkaitan supaya sentiasa mematuhi perundangan ditetapkan.

"Mana-mana individu melakukan kesalahan boleh diambil tindakan mengikut Akta Kawalan Bekalan (AKB) 1961 dan jika disabitkan kesalahan boleh didenda tidak lebih RM1 juta.

"Manakala bagi kesalahan berikutnya, individu terabit boleh didenda tidak melebihi RM3 juta atau penjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya sekali. Manakala bagi syarikat, denda dikenakan tidak melebihi RM2 juta bagi kesalahan per-

tama atau denda tidak melebihi RM5 juta bagi kesalahan berikutnya," katanya.

Selain itu, syarikat ini juga akan disiasat mengikut Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 (AMLATFPÜAA 2001) (Akta 613) iaitu kesalahan pengubahan wang haram bagi tujuan mengesan, membeku, menyita serta sehingga ke peringkat perlucutanhak ke atas

apa-apa hasil pendapatan atau harta yang dijana daripada aktiviti haram penyelewengan.

"Jika disabitkan dengan kesalahan mengikut Akta 613 ini, (individu) boleh dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 15 tahun dan juga boleh didenda tidak kurang daripada lima kali ganda jumlah atau nilai hasil daripada aktiviti haram atau peralatan kesalahan pada masa kesalahan atau RM5 juta yang mana lebih tinggi.



ANTARA lori dan tangki yang disita serta dirampas KPDN di Taman Seremban Jaya, Seremban kelmarin. – IHSAN KPDN

## Rampas 9,000 liter diesel, 4 buah lori disita

**SEREMBAN** – Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Negeri Sembilan merampas 9,000 liter minyak diesel bersubsidi yang cuba diseleweng dianggarkan bernilai RM19,350 di Taman Seremban Jaya di sini kelmarin.

Pengarahnya, Muhammad Zahir Mazlan berkata, serbuan Ops Tiris itu dijalankan oleh 12 anggota pasukan penguat kuasa KPDN pada pukul 10 malam hasil maklumat awam dan risikan selama dua minggu.

Ujarnya, pemeriksaan mendapati, terdapat tangki-tangki Intermediate Bulk Container (IBC) yang berisi diesel di dalam empat lori dipercayai sedang menunggu

giliran untuk aktiviti pemindahan minyak ke sebuah lori tangki di lokasi serbuan.

“Aktiviti pemindahan minyak diesel itu tidak dilakukan pada malam tersebut dipercayai kerana pihak sindiket telah menghidu kehadiran penguat kuasa.

“Turut disita empat buah lori dan 19 unit tangki IBC dengan anggaran nilai RM71,150,” katanya di sini semalam.

Tambahnya, empat kertas siasatan telah dibuka dan siasatan lanjut dilakukan di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 bagi mengenal pasti individu atau syarikat yang terlibat dalam aktiviti serta rantaian pengedaran minyak diesel tersebut.

# Seleweng 9,000 liter diesel bersubsidi

**KPDN sita empat lori, 19 tangki berisi minyak dianggar bernilai RM19,350**

Oleh Ahmad Hasbi dan Melvin Joni  
bhnews@bh.com.my

**Seremban:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri (KPDN) Negeri Sembilan merampas 9,000 liter diesel bersubsidi dianggar bernilai RM19,350, dipercayai hendak diseleweng dalam serbuan Ops Tiris di Taman Seremban Jaya, di sini, malam kelmarin.

Pengarah KPDN Negeri Sembilan, Muhammad Zahir Mazlan berkata, dalam serbuan kira-kira jam 10 malam itu, pihaknya turut

menyita empat lori dan 19 tangki IBC yang menjadikan nilai keseluruhan rampasan dianggar RM71,150.

"Serbuan Ops Tiris ini yang membabitkan 12 anggota pasukan penguat kuasa ini, adalah hasil risikan dua minggu, selain turut mengambil kira maklumat orang awam yang mencurigai kegiatan lori di kawasan itu.

"Pemeriksaan menyeluruh ketika serbuan, mendapati terdapat tangki IBC yang berisi diesel di dalam semua lori berkenaan yang dipercayai sedang menunggu giliran pemindahan diesel ke sebuah lori tangki yang turut berada dilokasi," katanya dalam satu kenyataan, di sini, semalam.

#### Hidup kehadiran

Muhammad Zahir berkata, ketika serbuan dilakukan aktiviti pemindahan tidak dilakukan, dipercayai kerana sindiket terbabit sudah menghidu kehadiran anggotanya di lokasi berkenaan.

Katanya, empat kertas siasatan

dibuka dan siasatan lanjut ke atas kes ini sedang dilakukan mengikut Akta Kawalan Bekalan (AKB) 1961 bagi mengenal pasti individu atau syarikat yang terbabit dalam aktiviti ini serta rantaian pengedaran diesel itu.

Sementara itu, di Sibul, kegiatan seorang lelaki menyeludup kira-kira 25,754 liter diesel di Sungai Batang Igan terbongkar selepas berjaya dikesan anggota Pasukan Polis Marin (PPM) Wilayah 5 dalam Op Taring Pensura, pagi semalam.

Ketua Polis Daerah Sibul, Asisten Komisioner Zulkipli Suhaili berkata suspek berusia dalam lingkungan 40 tahun itu dicekup di sebuah jeti persendirian kira-kira jam 10.50 pagi.

"Hasil pemeriksaan menemui dua kapal bersama-sama muatan diesel disyaki disimpan tanpa lesen dan permit sah dari Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN).

"Pasukan operasi turut berjaya



Penguat kuasa KPDN merampas 9,000 liter diesel bersubsidi dipercayai diseleweng ketika serbuan Ops Tiris di Taman Seremban Jaya.

(Foto Ihsan KPDN)

menahan seorang lelaki warga tempatan yang sedang menjalankan kerja pemindahan diesel dari dua kapal berkenaan.

"Turut dirampas dua pam minyak dan satu unit thos muncung, menjadikan nilai keseluruhan rampasan dianggarkan sebanyak

RM 259,060," katanya dalam satu kenyataan, di sini, semalam.

Zulkipli berkata kes disiasat di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 dengan tangkapan serta rampasan diserahkan kepada KPDN Bahagian Sibul untuk tindakan lanjut.



---

---

# **BERITA ONLINE (KPDN)**

---

---

**9 OGOS 2023 (RABU)**

**BERITA ONLINE BERTARIKH 9 OGOS 2023**

TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
9-Aug	KPDN rampas 9,000 liter minyak diesel bersubsidi diseleweng	<a href="https://www.utusan.com.my/berita/2023/08/kpdn-rampas-9000-liter-minyak-diesel-bersubsidi-diseleweng/">https://www.utusan.com.my/berita/2023/08/kpdn-rampas-9000-liter-minyak-diesel-bersubsidi-diseleweng/</a>	UM
9-Aug	KPDN rampas 9,000 liter diesel bersubsidi di Seremban	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/272592">https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/272592</a>	SH
9-Aug	KPDN N.Sembilan rampas 9,000 liter diesel bersubsidi di Seremban	<a href="https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2214211">https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2214211</a>	BERNAMA
9-Aug	Kapal bawa muatan minyak diesel tanpa dokumen ditahan	<a href="https://suarasarawak.my/kapal-bawa-muatan-minyak-diesel-tanpa-dokumen-ditahan/">https://suarasarawak.my/kapal-bawa-muatan-minyak-diesel-tanpa-dokumen-ditahan/</a>	SUARASARAWAK
9-Aug	Marine police seize diesel worth RM259,060 from Btg Igan private jetty	<a href="https://www.theborneopost.com/2023/08/08/marine-police-seize-diesel-worth-rm259060-from-btg-igan-private-jetty/">https://www.theborneopost.com/2023/08/08/marine-police-seize-diesel-worth-rm259060-from-btg-igan-private-jetty/</a>	THEBORNEOPOST
9-Aug	Lelaki kantai seludup 25,754 liter diesel	<a href="https://www.kosmo.com.my/2023/08/08/lelaki-kantai-seludup-25754-liter-diesel/">https://www.kosmo.com.my/2023/08/08/lelaki-kantai-seludup-25754-liter-diesel/</a>	KOSMO
9-Aug	Jualan Rahmah: Hampir 190,000 pengunjung dapat manfaat di Sarawak	<a href="https://www.utusanborneo.com.my/2023/08/08/jualan-rahmah-hampir-190000-pengunjung-dapat-manfaat-di-sarawak">https://www.utusanborneo.com.my/2023/08/08/jualan-rahmah-hampir-190000-pengunjung-dapat-manfaat-di-sarawak</a>	UMBORNEO
9-Aug	Jualan Rahmah: Hampir 190,000 pengunjung dapat manfaat di Sarawak	<a href="https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2214361">https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2214361</a>	BERNAMA
9-Aug	Rahmah Sales continue to be people's choice, to save	<a href="https://www.bernama.com/en/news.php?id=2214424">https://www.bernama.com/en/news.php?id=2214424</a>	BERNAMA
9-Aug	Rahmah Sales continue to be people's choice, to save	<a href="https://www.thesundaily.my/local/rahmah-sales-continue-to-be-peoples-choice-to-save-AH11342398">https://www.thesundaily.my/local/rahmah-sales-continue-to-be-peoples-choice-to-save-AH11342398</a>	THESUNDAILY
9-Aug	KPDN rampas diesel cuba diseleweng di Seremban Jaya	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2023/08/1137659/kpdn-rampas-diesel-cuba-diseleweng-di-seremban-jaya">https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2023/08/1137659/kpdn-rampas-diesel-cuba-diseleweng-di-seremban-jaya</a>	BH
9-Aug	Lari macam pelesit!	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/08/997053/lari-macam-pelesit">https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/08/997053/lari-macam-pelesit</a>	HM